



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

NO. SEBUT HARGA: PPj/JP/SH(S)/6/2026

Tajuk Sebut Harga:

PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENYELENGGARA DAN MENURUNKAN BENDERA JALUR GEMILANG, BENDERA NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA DAN BENDERA-BENDERA LUAR NEGARA KEPADA PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, di bawah **Kod Bidang 020701 (Tekstil)** atau **Kod Bidang 221402 (Hiasan Jalan/ Kawasan Tidak Termasuk Pelanskanan dan Seni Taman)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **28 JULAI (SELASA), JAM 3.00 PETANG** di **Bilik Mesyuarat Bakawali, Aras 5, Blok B, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **28 JULAI 2026 (SELASA)** hingga **31 JULAI 2026 (JUMAAT)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran tanpa tunai berjumlah **RM10.00** boleh dilaksanakan menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **SURAT WAKIL KUASA (Asal)** yang ditandatangani pemilik/ pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa seperti penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF beserta **satu (1) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti peranggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **4 OGOS 2026 (SELASA)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Bandar
Perbadanan Putrajaya